

05 JUN 2003

Mahathir-Selamat Tinggal/I

MAHATHIR KATA PERSIDANGAN KE-9 YANG TERAKHIR SEBAGAI PM

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 5 Jun (Bernama)- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara pada Oktober tahun ini berkata Persidangan Nikkei Ke-9, akan menjadi yang terakhir dan selamat tinggal baginya sebagai Perdana Menteri Malaysia.

"Saya mendapati mesyuarat ini yang dianjurkan setiap tahun sebagai amat memberangsangkan. Bagi saya, penyertaan dalam persidangan Nikkei tahun ini adalah yang terakhir buat saya, seperti mengucapkan selamat tinggal kepada persidangan ini," kata beliau dalam majlis makan malam Persidangan Nikkei di sini malam ini.

Beliau berkata walaupun persidangan tahun ini dipendekkan satu hari, ia tetap berjaya kerana pemimpin-pemimpin daripada Asean dan Jepun masih boleh "duduk semeja" dan mengadakan perbincangan meja bulat untuk kepentingan bersama.

Persidangan meja bulat itu yang kali pertama diadakan tahun ini menyaksikan kehadiran Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, Perdana Menteri Thai Thaksin Shinawatra dan bekas Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto.

Asean, kata Dr Mahathir memang banyak terlibat dengan Persidangan Nikkei, dengan anggota daripada kumpulan serantau menjalin hubungan perdagangan dengan Jepun.

Dr Mahathir berkata ketika beliau melihat bahawa beberapa negara Asean telah membentuk hubungan perdagangan dua hala yang bersaing dengan Jepun (FIA) dan berpendapat perjanjian yang unggul ialah Asean-Jepun FTA.

Beliau berpendapat bahawa hubungan dua hala FTA akan menolong menegakkan kawasan yang sensitif kerana setiap negara anggota mempunyai sedikit perbezaan dan rasa sensitif berhubung kepentingan perdagangan, yang mungkin tidak sesuai dibawah FTA Asean-Jepun.

Beliau berharap ekonomi dan perdagangan Asean akan terus bertambah baik berikutan wujudnya kerjasama erat dengan Jepun.

"Malaysia telah ketinggalan dalam menyertai perjanjian ini tetapi kami telah melakukannya dengan begitu kuat melalui kerjasama ekonomi. Kita juga telah melihat kawasan lain seperti kerjasama kebudayaan Asia. Kesemua ini telah membantu negara-negara Asean begitu rapat dengan Jepun.

Malaysia, kata beliau, juga telah menerima dan melaksanakan Dasar Pandang Ke Timur.

"Kita menerima dasar ini kerana kita mahu belajar daripada Timur selepas kita banyak belajar dari Barat. Mungkin terdapat sesuatu yang baik kerana Jepun pulih dengan cepat selepas perang terakhir untuk menjadi negara ekonomi terkuat di dunia. Jika Jepun boleh melakukan ini, kita berpendapat kita patut mencontohi Jepun.

"Dan Malaysia kini berjaya melakukannya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SS NN ZB